

**ISU KOSA KATA BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR TAHUN 9 SEKOLAH
UGAMA ARAB MENENGAH PENGIRAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH
SALEHA (SUAMPRIPAHHS), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: CABARAN DAN
PENYELESAIAN**

**(ARABIC VOCABULARY ISSUE AMONGST SUAMPRIPAHHS' STUDENTS IN BRUNEI
DARUSSALAM: CHALLENGES AND SOLUTIONS)**

oleh

Siti Sara Haji Ahmad

Dekan/Profesor Madya

Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

sara.ahmad@unissa.edu.bn

Abstrak:

Kemahiran dan penguasaan bahasa: mendengar, membaca, menulis dan bertutur sangat bergantung kepada jumlah kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Bahkan hubungan kemahiran bahasa dan kosa kata sangat berkait rapat dalam memastikan keberkesanan pembelajaran bahasa. Fenomena kelemahan pelajar dalam bahasa Arab sering dikaitkan dengan kekurangan kosa kata pelajar. Pelbagai faktor dipercayai penyebab kepada isu kekurangan kosa kata tersebut. Makalah ini bertujuan mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada isu kekurangan kosa kata di kalangan pelajar, cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan juga cadangan penyelesaian. Pendekatan kuantitatif adalah pendekatan yang diguna pakai dalam menganalisa jawapan kaji selidik yang disasarkan kepada pelajar tahun 9 Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHHS), Katok, Brunei Darussalam. Makalah ini juga pada waktu yang sama turut menganalisa jawapan dalam latihan yang diberikan. Dapatkan kajian mendapati bahawa isu kekurangan kosa kata dianggap isu yang cukup serius yang perlu ditangani segera. Faktor-faktor yang dikenalpasti yang menyumbang kepada isu kekurangan tersebut dipercayai dapat membantu dalam menangani cabaran dan masalah yang timbul daripada isu kekurangan kosa kata di kalangan pelajar dan ianya sekaligus dapat membantu mempertingkatkan penguasaan dan kemahiran pelajar dalam bahasa Arab.

Kata Kunci: Kosa kata, Sekolah Arab, Brunei, Isu, Cabaran.

Abstract:

Language skills and proficiency: listening, reading, writing and speaking, considerably depends on the number of vocabularies students possess. Even the correlation between language skills and vocabulary is closely related to ensuring the effectiveness of language learning. The phenomenon of students' weakness in Arabic is often associated with a lack of student vocabulary. Various factors are believed to be the cause of the lack of vocabulary. This paper aims to identify factors that contribute to the lack of vocabulary among students, challenges faced by students and also solutions. The methodology adopted is using qualitative approach by analysing survey responses targeted to 9th year students of Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Arabic Religious School, Katok, Brunei Darussalam. This paper also at the same time analyses the answers that the students gave in the language activities. The findings show that vocabulary deficiency is considered a serious issue that needs to be addressed immediately. The identified factors that contribute to the issue of deficiency are believed to be helpful in addressing the challenges and problems arising from the lack of vocabulary among students and it can also help improve the mastery and skills of Arabic learners.

Keywords: Vocabulary, Arabic School, Brunei Issues, challenges.

1. PENDAHULUAN

“Kosa kata” atau dikenali juga sebagai “perbendaharaan kata” bermaksud keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa (Kamus Dewan, 2007, 825). Mempelajari kosa kata adalah merupakan keperluan asas yang membantu pelajar bagi menguasai bahasa asing termasuk juga bahasa Arab. Pakar bahasa berpendapat bahawa penguasaan empat (4) kemahiran: mendengar, membaca, menulis dan bertutur sangat bergantung kepada jumlah kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Keperluan kepada memiliki kosa kata yang sesuai dan mencukupi perlu ada bagi pelajar dari sejak pengajian awal mereka (ماهر علي ومحمود الهاشم عبدالله، 2012، 105)، (شعبان عبد البراري، 2011، 33)، (إسحاق الأمين، 2008، 84-83). <https://nanoazza.wordpress.com/2008/07/03/pembelajaran-kosakata-bahasa-arab/#sdfootnote3sym>.

Dengan hanya memiliki kosa kata tidak mencukupi bagi pelajar kerana kepentingan kosa kata terletak kepada peranannya dan kedudukannya dalam ayat. Dalam waktu yang sama, pelajar juga perlu memahami maknanya mengikut konteks ayat (إِسْحَاقُ الْأَمِينُ، ٢٠٠٨، ٨٣)، (مَا هُرْ شَعْبَانُ عَبْدُ الْبَارِيِّ، ٢٠١١، ٤٠)، (عَلَىٰ وَمُحَمَّدٌ الْهَاشِمُ عَبْدُ اللَّهِ، ٢٠١٢، ١٠٥)، (عَلَىٰ وَمُحَمَّدٌ الْهَاشِمُ عَبْدُ اللَّهِ، ٢٠١٢، ٨٤).

Kelemahan pelajar dalam bahasa Arab sering dikaitkan dengan kekurangan kosa kata. Terdapat banyak andaian dan pendapat mengenai isu ini, antaranya kelemahan dalam memahami maksud kosa kata dalam konteks ayat terutama ketika membaca (علي سعد جاب الله وآخرون، ٢٠١١، ٩٨). Perkara ini menyebabkan mereka kurang fokus dengan apa yang mereka baca (علي سعد جاب الله وآخرون، ٢٠١١، ٩٧) dan seterusnya menjadikan mereka malas dan tidak minat untuk membaca. Fenomena ini juga turut dialami oleh para pelajar di sekolah-sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam. Justeru, perkara ini perlu dikaji dengan mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada isu kekurangan tersebut. Cabaran yang dihadapi oleh pelajar perlu juga diambil perhatian bagi membantu mengemukakan cadangan penyelesaian.

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal dan penting kerana hasil kajian ini akan menjadi bukti dan justifikasi kukuh bagi kajian seterusnya. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam makalah ini terbahagi kepada tujuh (7) bahagian: pertama: Pendahuluan, kedua: Kepentingan, ketiga: Objektif, keempat: Metodologi Kajian, kelima: Dapatan Kajian, keenam: Faktor Penyumbang Kepada Isu Kekurangan Kosa Kata dan Cadangan Penyelesaian dan ketujuh : Penutup.

2. KEPENTINGAN KAJIAN

Isu kekurangan kosa kata di kalangan pelajar perlu dikaji agar cadangan yang dikemukakan melalui kajian ini dapat membantu pihak-pihak berkenaan mempertingkatkan lagi usaha dan inisiatif dalam memperkasa penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah-sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam. Setakat ini belum ada kajian terperinci yang dilakukan bagi mengenalpasti isu kekurangan tersebut dan faktor-faktor yang menyumbang kepada isu tersebut.

3. OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- Menonjolkan kepentingan kosa kata dalam mempelajari bahasa Arab dan hubungannya dengan kemahiran bahasa.
- Menyoroti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam memperkaya kosa kata.
- Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kekurangan kosa kata pelajar dan mencadangkan jalan penyelesaiannya.

4. METODOLOGI

Bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada isu kekurangan kosa kata di kalangan pelajar, makalah ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menganalisa jawapan kaji selidik dan jawapan latihan yang disasarkan kepada 38 orang pelajar tahun 9 Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH), Katok Brunei Darussalam.

5. DAPATAN KAJIAN:

5.1 Sasaran Kajian:

Kajian ini merupakan kajian awal di mana ianya pada peringkat permulaan menyasarkan kepada 38 pelajar perempuan tahun 9 SUAMPRIPAH sebagai sampel kajian. Kajian lapangan ini telah dijalankan pada 21 Februari 2018, bertempat di auditorium sekolah berkenaan.

5.2 Kajian Lapangan:

Kajian lapangan ini dijalankan menerusi dua (2) pendekatan atau instrumen iaitu soalan kaji selidik dan latihan. Soalan dan latihan ini telah disemak oleh pakar yang berkaitan dengan bidang ini. Pemilihan pakar ini terdiri daripada dua (2) orang pensyarah dalam bidang tersebut.

Tujuan penggunaan pendekatan atau instrumen tersebut adalah bagi mengukur sejauh mana pandangan pelajar mengenai kosa kata bahasa Arab, dan sebanyak mana kosa kata yang mereka miliki. Natijah yang diperolehi nanti akan membantu penulis mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong ke arah kekurangan tersebut berdasarkan jawapan dan alasan yang diberikan oleh responden.

Berikut adalah dapatan yang diperolehi menerusi pendekatan di atas:

5.2.1 **Dapatan Menerusi Jawapan Kaji Selidik:**

Bagi menjalankan kajian selidik tersebut, satu borang kaji selidik telah diedarkan. Borang ini mengandungi dua (2) bahagian: bahagian pertama mengandungi maklumat pelajar dan bahagian kedua pula maklumat mengenai kosa kata bahasa Arab. Bahagian ini mengandungi lapan (8) soalan dan berikut adalah dapatan hasil kaji selidik:

No	Perkara	YA Jumlah/Peratus	TIDAK Jumlah/Peratus
1	Adakah anda mencintai bahasa Arab?	36 (95%)	2 (5%)
2	Adakah anda berpendapat bahawa kosa kata penting dalam pembelajaran bahasa?	35 (92%)	3 (8%)
3	Adakah anda menghadapi masalah mengenai bilangan kosa kata yang anda miliki?	29 (76%)	9 (24%)
4	Adakah anda mampu bertutur bahasa Arab?	28 (74%)	10 (26%)
5	Adakah guru anda mengajarkan kosa kata yang anda perlukan untuk bertutur dalam bahasa Arab?	35 (92%)	3 (8%)
6	Adakah guru anda mengajarkan kosa kata yang anda perlukan untuk memahami pelajaran anda?	33 (86%)	5 (14%)
7	Adakah anda membaca buku bacaan bagi memperkaya kosa kata anda?	10 (26%)	28 (74%)

(Jadual: 1: Jumlah dan Statistik Pandangan Responden)

Hasil dari kaji selidik di atas, hampir kesemua pelajar iaitu 36 orang (95%) mencintai bahasa Arab. Manakala 2 orang pelajar (5%) pelajar mengganggap bahasa Arab adalah susah dan kurang difahami. Mengenai kepentingan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab seramai 35 pelajar (92%) mengakui bahawa kosa kata berperanan penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Walaupun hampir semua responden menyatakan bahawa kosa kata penting dalam pembelajaran bahasa Arab mereka akan tetapi kebanyakannya mereka iaitu 29 orang (76%) menghadapi masalah dengan kekurangan kosa kata dan hanya

9 pelajar (24%) yang yakin bahawa kosa kata yang mereka miliki adalah mencukupi mengikut tahap pembelajaran mereka. Jumlah ini merupakan isu yang perlu ditangani dengan segera.

Memilik kosa kata yang mencukupi dapat membantu pelajar mempertingkatkan penguasaan kemahiran bahasa Arab terutama sekali kemahiran bertutur. Ini kerana kemampuan pelajar dalam bertutur adalah sangat terhad di mana menurut hasil kaji selidik di atas seramai 28 (74%) mampu untuk bertutur, dan dari jumlah tersebut seramai lapan (8) (21%) hanya mampu bertutur secara minimal. Manakala seramai 10 orang (26%) menyatakan tidak mampu bertutur dengan alasan bahasa Arab sukar, tidak fasih, kurang yakin, kurang faham dan mengelirukan.

Masalah kemahiran bertutur adalah antara masalah yang ketara yang dihadapi oleh pelajar Melayu. Terdapat banyak kajian yang dijalankan membincangkan mengenai masalah ini. Di antara faktor yang menyebabkan isu kelemahan pelajar dalam kemahiran bertutur adalah kekurangan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Isu ini juga terlibat dengan teknik pengajaran guru. Oleh yang demikian, kaji selidik juga turut mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan peranan guru dalam memperkayakan kosa kata pelajar melalui pandangan pelajar. Soalan pertama: “*Adakah guru anda mengajarkan kosa kata yang anda perlukan untuk bertutur dalam bahasa Arab?*” Seramai 35 pelajar (92%) telah memberikan jawapan positif walaubagaimanapun apabila dikaji alasan yang diberikan: kosa kata yang diajar sedikit dan terdapat kosa kata yang tidak difahami. Jawapan ini cenderung kepada perkara negatif. Perkara ini perlu dikaji secara teliti kerana ini mungkin antara faktor yang menyebabkan pelajar kurang mampu menguasai kemahiran bertutur. Bagi soalan: “*Adakah guru anda mengajarkan kosa kata yang anda perlukan untuk memahami pelajaran kamu?*” Seramai 33 pelajar (86%) menyatakan bahawa guru membantu mengajar kosa kata yang diperlukan oleh mereka dan hanya seramai 5 pelajar (14%) yang menyatakan sebaliknya.

Antara sebab isu kekurangan kosa kata di kalangan pelajar adalah kurang membaca, kerana pada hakikatnya membaca buku antara aktiviti yang banyak membantu dalam memperkaya kosa kata pelajar. Tetapi setakat manakah pelajar melazimi sifat minat membaca bagi memperkaya kosa kata mereka. Menurut jawapan yang diperolehi bagi soalan nombor 7, hanya 10 pelajar (26%) sahaja yang melazimi membaca buku. Manakala seramai 28 pelajar (74%) tidak memanfaatkan buku bacaan sebagai wasilah

memperkaya kosa kata mereka dengan alasan: buku bacaan Arab sangat terhad, sukar memahami bacaan buku Arab, memiliki sikap pemalas dan kesibukan kerja. Seramai 14 pelajar iaitu 36% daripada 74% memberikan alasan malas. Sikap ini perlu diubah dengan diberikan galakan dan motivasi menerusi pengendalian aktiviti bahasa secara berkumpulan.

Mengenai jawapan bagi soalan nombor 8: “*Apakah masalah yang dihadapi ketika mempelajari kosa kata?*”, responden mengemukakan pelbagai jenis masalah ketika mana mempelajari kosa kata antaranya: banyak kosa kata yang belum dipelajari, banyak perkataan yang baru, sukar mengingati, mudah lupa, kurang faham, tiada kamus, pihak sekolah tidak memberikan kerja rumah khusus dalam bacaan buku, tiada ada masa, kurang membaca, mempunyai sikap pemalas dan kurang mengaplikasikan penggunaan kosa kata yang dipelajari.

5.3 Dapatan Menerusi Jawapan Latihan:

Responden juga telah diberikan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan kosa kata. Antara aktiviti yang dijalankan adalah setiap responden diberikan senarai yang mengandungi perkataan mengenai nama: perkakas sekolah, perkakas rumah, benda, bintang, makanan, buah-buahan dan anggota badan. Responden diminta membezakan perkataan yang mudah daripada yang susah. Mereka kemudiannya memilih salah satu sebab kenapa perkataan tersebut susah, adakah kerana perkataan tersebut merupakan perkataan baru atau sudah dipelajari tetapi lupa, atau kurang menggunakan atau belum mempelajari perkataan tersebut sebelumnya?

Jawapan responden kemudiannya dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut jumlah jawapan. Jumlah tersebut kemudiannya dibahagikan kepada beberapa tahap pula. Detailnya adalah seperti berikut:

Kumpulan	Keramaian Responden Bersetuju	Tahap
I	38 orang	Sepakat Mudah
II	30-37 orang	Sangat Mudah
III	20-29 orang	Mudah
IV	10-19 orang	Sederhana
V	1-9 orang	Susah

VI	0	Sangat Susah
----	---	--------------

(Jadual: 2: Kumpulan, Keramaian Responden dan Tahap Setuju)

Berikut adalah senarai nama pilihan sebagai contoh kajian:

-Senarai Nama Perkakas Sekolah/Belajar:

Sebanyak 13 perkataan dipilih yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka sebagai seorang pelajar. Perkataan ini pada kelazimannya diketahui oleh pelajar. Berikut adalah jadual perkataan dan tahap mudah perkataan tersebut mengikut jumlah responden:

Perkara	Keterangan					
	I	II	III	IV	V	VI
Kumpulan	Sepakat	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Tahap	Sepakat Mudah	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Perkataan	قلم	دفتر (37) كتاب (37) حقيبة (37) سشوره (35) ورقة (32)	-	مخطوطة قلم (14) مسطرة (13)	مرسم (9) ممحة (7) مбраة (5) مقص (3)	صمع
Jumlah Perkataan	1	5	0	2	4	1
Peratus Perkataan	8%	38%	0%	15%	31%	8%

(Jadual: 3: Jumlah, Peratus dan Tahap Mudah/Susah berkaitan Nama Perkakas Sekolah/Belajar)

Hasil jawapan responden mengikut jadual yang tertera di atas menyatakan masih terdapat banyak pelajar yang menganggap 13 perkataan yang disenaraikan di tahap sangat susah/susah dan sederhana, di mana hanya satu perkataan saja yang mereka sepakat menganggap ianya mudah iaitu perkataan قلم sebanyak 8%. Manakala, perkataan lain mempunyai peratus persetujuan yang berbeza di mana lima (5) perkataan (38%) sangat mudah, dua (2) perkataan sederhana (15%), empat (4) perkataan di tahap susah (31%) dan satu perkataan sangat susah (8%). Peratus tahap mudah lebih tinggi berbanding dengan peratus tahap susah iaitu sebanyak 61, walaubagaimanapun peratus tahap susah sebanyak 39% dikira peratus yang agak tinggi dan perlu kepada perhatian.

- **Senarai Nama Anggota Badan:**

Sebanyak 20 perkataan yang berkaitan dengan anggota badan telah dipilih sebagai sampel kajian. Penulis berpendapat perkataan ini mudah bagi pelajar. Berikut adalah jadual perkataan dan tahap mudah perkataan tersebut mengikut jumlah responden:

Perkara	Keterangan					
	I	II	III	IV	V	VI
Kumpulan	Sepakat Mudah	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Tahap	Sepakat Mudah	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Perkataan	أَذْن (38) رَأْس (38)	بَدْ (37) عَيْن (36) رَجُل (35) لِسَان (34) صَدْر (31) أَنْف (31) وَجْه (30)	قَدْم (28) فَم (27) شَعْر (23)	بَطْن (17) رَقْبَة (11) رَكْبَة (10)	إِصْبَع (5) ابْط (2) ظَفَر (2) ذَرَاع (1) كَف (1)	-
Jumlah Perkataan	2	7	3	3	5	0
Peratus Perkataan	10%	35%	15%	15%	25%	0%

(Jadual: 4: Jumlah, Peratus dan Tahap Mudah/Susah berkaitan Nama Anggota Badan)

Hasil jawapan responden mencatatkan bahawa kebanyakan mereka masih mengalami kesukaran dalam memahami perkataan-perkataan yang berkaitan dengan anggota badan. Hanya dua (2) perkataan (10%) sahaja iaitu أَذْن dan رَأْس mereka bersepakat ianya mudah. Manakala tujuh (7) perkataan (35%) peratus di tahap sangat mudah, tiga (3) perkataan (15%) di tahap mudah, tiga (3) perkataan lagi (15%) di tahap sederhana dan lima (5) perkataan (25%) pula dianggap susah. Jadual ini juga mencatatkan bahawa tiada ada perkataan yang sangat sukar bagi pelajar. Peratus mudah lebih tinggi daripada peratus susah iaitu mencatat sebanyak 75%. Peratus ini menunjukkan bahawa tahap susah adalah ditahap sederhana dan juga perlu diambil perhatian.

- **Senarai Nama Binatang:**

Sebanyak 24 perkataan yang berkaitan dengan binatang telah dipilih sebagai sampel kajian. Perkataan ini juga pada kebiasaan diketahui oleh pelajar. Berikut adalah jadual perkataan dan tahap mudah perkataan tersebut mengikut jumlah responden:

Perkara	Keterangan					
	I	II	III	IV	V	VI
Kumpulan	Sepakat Mudah	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Tahap	Sepakat Mudah	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Perkataan	(38) سمك	(37) جمل	(28) بقرة	(18) ثور	(8) فراشة	حُوت
		(35) ديك	(26) أرنب	(17) قطة	(8) عنكبوت	عصفور
			(25) فيل	(17) أسد	(6) قرد	بَيْغَاء
				(13) فأر	(6) خروف	
				(11) بط	(5) ثعلب	
					(4) ضفدع	
					(3) حصان	
					(3) سلحفاة	
					(1) غزال	
					(1) تمساح	
Jumlah	1	2	3	5	10	3
Peratus	4%	8%	12.5%	21%	42%	12.5%
Perkataan						

(Jadual: 5: Jumlah, Peratus dan Tahap Mudah/Susah berkaitan Nama Binatang)

Hasil jawapan responden mencatatkan bahawa kebanyakan mereka masih mengalami kesukaran dalam memahami perkataan-perkataan yang berkaitan dengan nama bintang. Hanya satu perkataan (4%) sahaja iaitu سمك mereka bersepakat ianya mudah. Manakala dua (2) perkataan (8%) peratus di tahap sangat mudah, tiga (3) perkataan (12.5%) di tahap mudah, lima (5) perkataan (21%) di tahap sederhana, sepuloh (10) perkataan (42) pula dianggap susah dan tiga (3) perkataan dianggap sangat susah. Apabila diperhatikan peratus yang tertera di atas, didapati bahawa peratus sangat susah/susah

sangat adalah tinggi iaitu mencatat sebanyak 54.5. Dalam hal ini, penulis berpendapat terdapat pelbagai andaian mengenai peratus tersebut sama ada senarai bintang ini kurang diketahui oleh pelajar atau mereka lupa atau berlaku kekeliruan kerana kurang diperaktikkan.

Perkara ini perlu kepada perhatian yang lebih.

- **Senarai Nama Buah-Buahan:**

Sebanyak 10 perkataan yang berkaitan dengan buah-buahan telah dipilih sebagai sampel kajian. Perkataan ini pada kelazimannya diketahui oleh pelajar. Berikut adalah jadual perkataan dan tahap mudah perkataan tersebut mengikut jumlah responden:

Perkara	Keterangan					
	I	II	III	IV	V	VI
Kumpulan	Sepakat Mudah	Sangat Mudah	Mudah	Sederhana	Susah	Sangat Susah
Tahap						
Perkataan	-	(36) بُرْتَشَل (32) زَيْثُون	-	(17) لِيمُون (16) تَفَاح (16) عَنْبَة	(7) تَين (5) مَوْز (4) نَخْدِيل (3) قَمْح (2) رُمَّان	
Jumlah Perkataan	0	2	0	3	5	0
Peratus Perkataan	0%	20%	0%	30%	50%	0%

(Jadual: 4: Jumlah, Peratus dan Tahap Mudah/Susah berkaitan nama buah-buahan)

Hasil jawapan responden mencatatkan bahawa kebanyakan mereka masih mengalami kesukaran dalam memahami perkataan-perkataan yang berkaitan dengan nama buah-buahan. Tidak ada satu pun perkataan yang mudah yang disepakati oleh responden. Kajian mencatatkan peratus bagi tahap mudah dan susah adalah sama iaitu masing-masing mencatat sebanyak 50%. Walaupun terdapat kesetaraan dalam peratus tersebut, peratus tahap susah masih dianggap sangat tinggi dan hal ini perlu ditangani dengan segera.

Dapatan kajian ini telah merumuskan seperti berikut:

- Senarai alat perkakas sekolah/belajar:

Peratus tahap mudah lebih tinggi berbanding dengan peratus tahap susah iaitu sebanyak 61%. Walau bagaimanapun peratus tahap susah sebanyak 39% dianggap agak tinggi.

- Senarai nama anggota badan:

Peratus mudah lebih tinggi daripada peratus susah iaitu mencatat sebanyak 75%. Peratus susah pula mencatat sebanyak 25% dan tahap ini dianggap sederhana.

- Senarai nama binatang:

Peratus sangat susah/susah mencatat sangat tinggi iaitu sebanyak 54.5%.

- Senarai nama buah-buahan:

Peratus tahap mudah dan tahap susah adalah sama iaitu masing-masing mencatat sebanyak 50%. Peratus tahap susah bagi senarai tersebut adalah sangat tinggi .

Kesemua peratus dalam senarai di atas memerlukan tindakan yang serius. Sebelum sebarang tindakan dilaksanakan, faktor yang menyumbang kepada isu ini perlu dikenal pasti agar isu ini dapat dibendung.

6. FAKTOR PENYUMBANG ISU KEKURANGAN KOSA KATA DAN CADANGAN PENYELESAIAN:

Beberapa faktor dikenalpasti adalah punca kepada berlakunya isu kekurangan kosa kata berdasarkan jawapan responden, antaranya:

- Bilangan kosa kata yang dimiliki terhad.
- Kosa kata yang dipelajari tidak dicatat dan tidak diperaktikkan dalam kemahiran bahasa Arab mereka.
- Kurang, malas dan tiada masa untuk membaca buku dalam bahasa Arab.
- Kurang bimbingan daripada guru.
- Kurang memahami makna menurut konteks ayat.
- Hanya merujuk kamus bahasa Arab-Melayu.
- Kurang merujuk kamus.

Dalam menangani isu di atas, berikut dikongsikan beberapa cadangan peningkatan kosa kata pelajar:

- Perlu strategi pembelajaran kosa kata mengikut peringkat pengajian.
- Menentukan minimum jumlah kosa kata yang perlu dimiliki oleh pelajar. Jumlah ini perlu ditambah dari satu peringkat ke peringkat seterusnya.
- Kosa kata ini perlu dipraktikkan dalam semua kemahiran bahasa: mendengar, membaca, bertutur dan menulis semasa pembelajaran di dalam mahupun di luar kelas.
- Mempelbagaikan teknik pengajaran bahasa Arab dengan mengambil kira jumlah kosa kata baru yang mereka pelajari dan mengunakannya dalam bentuk ayat yang sesuai bagi membantu mereka menggunakan dalam pertuturan dan penulisan mereka.
- Mewujudkan konsep “*peer learning*” di kalangan pelajar dengan menggalakkan mereka saling bantu membantu dalam mencatat dan mengumpul kosa kata yang pernah dipelajari dan mempraktikkannya dalam ayat-ayat yang berbeza.
- Mempergiat dan mempelbagaikan aktiviti bahasa Arab. Menerusi aktiviti bahasa ini pelajar akan lebih bersemangat untuk lebih mempraktikkan kosa kata yang dipelajari dan yang baru diperolehi.
- Menubuhkan kelab bahasa antaranya kelab membaca dan mengadakan pelbagai bentuk pertandingan.
- Memberikan latihan dan kerja rumah yang juga berkaitan dengan kosa kata.
- Membantu pelajar memilih buku bacaan yang menarik dan mudah.

7. PENUTUP

Bahagian ini membicarakan tentang dua (2) perkara utama: 1) kesimpulan dan rumusan dan 2) cadangan.

- Kesimpulan dan Rumusan:

Hasil kajian ini menyimpulkan perkara berikut:

- Kajian ini hanya menyasarkan kepada pelajar sahaja dengan memilih 38 orang pelajar perempuan di SUAMPRIPAHS sebagai sampel kajian. Ini bagi tujuan mengenal pasti isu-isu utama yang dihadapi oleh mereka dalam memperkasa kosa kata mereka.
- Kajian ini menggunakan dua (2) pendekatan atau instrumen dalam mengukur sejauh mana pandangan pelajar mengenai kosa kata bahasa Arab, dan sebanyak mana kosa kata yang mereka miliki. Kedua-dua instrumen tersebut diharapkan dapat membantu penulis

membina satu rumusan yang menyatakan bahawa pelajar sememangnya menghadapi masalah kekurangan kosa kata bahasa Arab. Dalam pada masa yang sama, dapat membantu penulis mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong ke arah kekurangan tersebut berdasarkan jawapan dan alasan yang diberikan oleh responden.

- Dapatkan kajian menerusi borang kaji selidik yang diagihkan, mendapati jumlah dan peratus pelajar yang menghadapi masalah kekurangan kosa kata bahasa Arab sangat tinggi iaitu seramai 29 orang (76%). Peratus ini sangat serius dan isu ini perlu ditangani dengan segera.
- Dapatkan kajian menerusi latihan dengan mengagihkan tujuh senarai nama iaitu: perkakas sekolah, perkakas rumah, benda, bintang, makanan, buah-buahan dan anggota badan. Hanya empat (4) senarai dikemukakan dalam makalah ini sebagai sampel kajian iaitu senarai perkakas sekolah, anggota badan, bintang dan buah-buahan. Peratus tahap susah yang “sangat tinggi” didapati dalam dua (2) senarai: nama bintang dan nama buah-buahan, manakala tahap susah “agak tinggi” bagi senarai alat perkakas sekolah dan tahap susah “sederhana” dicatatkan bagi senarai anggota badan. Kesemua senarai nama ini memerlukan perhatian segera dan tindakan yang bersesuaian.
- Pelbagai faktor yang telah dikenal pasti melalui kaji selidik yang dijalankan dan pelbagai cara penyelesaian juga telah dicadangkan dan dikemukakan.
- Dapatkan kajian menyokong kenyataan yang menyatakan bahawa memiliki kosa kata yang cukup dan sesuai sangat membantu dalam mempertingkatkan kemahiran bahasa mereka.

- Cadangan:

Makalah ini juga mencadangkan langkah-langkah berikut dilaksanakan di masa akan datang:

- Keperluan kepada sebuah kajian yang komprehensif yang memfokuskan kepada strategi pengajaran dan pembelajaran kosa kata.
- Melakukan perbincangan dalam memperkasa kosa kata pelajar dengan mengadakan kerjasama berikut:

- Kerjasama sekolah-sekolah Arab dengan Jabatan Kurikulum Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi sama-sama menilai semula kurikulum, dan buku teks yang ada.
 - Kerjasama antara sekolah-sekolah dengan Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universitit Penguruan Seri Begawan (KUPU SB) bagi membantu teknik dan strategi pengajaran dan seterusnya menyediakan buku-buku bacaan yang sesuai dan menarik.
- mengambil manfaat dan contoh daripada kurikulum-kurikulum sekolah Arab dan IPT luar negara, dan dalam waktu yang sama mempelajari strategi pengajaran dan pembelajaran kosa kata yang diadaptasi oleh sekolah dan IPT berkenaan agar bahagian kurikulum, para guru dan pelajar sekolah Arab di Brunei dapat mengadaptasi pengalaman dan ilmu tersebut dengan mengambil kira kesesuaian persekitaran pengajaran dan pembelajaran di Negara Brunei Darussalam.

Rujukan:

1.Bahasa Melayu:

Kamus Dewan. (2007). Edisi 7.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<https://nanoazza.wordpress.com/2008/07/03/pembelajaran-kosakata-bahasa-arab/#sdfootnote3sym>

2.Bahasa Arab

الأمين، إسحاق. (2008م). **منهج الإيسيسكو لتدريب معلمي اللغة العربية لغير الناطقين بها.** ط 2. إيسيسكو: منشورات المنظمة الإسلامية للتربية والعلوم والثقافة.

جاب الله، علي سعد وآخرون. (2011). **تعليم القراءة والكتابة: أسلوبه وإجراءاته التربوية.** عمان: دار المسيرة للنشر والتوزيع والطباعة.

عبد الباري، ماهر شاهين. (2011). **إستراتيجيات تعليم المفردات.** عمان: دار المسيرة للنشر والتوزيع والطباعة.

عبد الله المهاشم و محمود علي. (2012). استراتيجيات تعلم المفردات لدى دارسي اللغة العربية في جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا واعتقاداتهم المتعلقة بها. **المجلة الأردنية في العلوم التربوية** مجلد 8 ، عدد 105-117